

Pantai Lido melimpah

Berikutan hujan lebat dan air pasang akibat fenomena 'supermoon' semalam

■ SITI NOOR SEPEE

JOHOR BAHRU - Pesisir Pantai Lido dilaporkan dinaiki air pada paras 0.2 meter sehingga memasuki kawasan letak kereta di hadapan Hospital Sultanah Aminah (HSA) berikutan hujan lebat berterusan dan pertembungan air pasang akibat fenomena *supermoon*, semalam.

Bagaimanapun kejadian itu tidak menjejaskan aliran trafik di kawasan berkenaan termasuk kegiatan orang ramai yang berada di hospital terbabit disebabkan air surut agak cepat.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Johor Bahru, Leftenan (PA) Mohd Aziz Jupri berkata, pihaknya turut memantau kawasan berkenaan susulan kejadian air pasang penuh yang berlaku jam 11 pagi, semalam.

"Hujan lebat berterusan bermula kira-kira jam 10 pagi disusuli pertembungan air pasang sejam kemudian menyebabkan kawasan berkenaan dinaiki air. Bagaimanapun paras air surut dengan cepat selepas itu.

"APM turut pergi lokasi dinaiki air di HSA melibatkan lima anggota menaiki sebuah pacuan empat roda untuk menjalankan pemantauan bagaimanapun ia berada dalam keadaan baik malah tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

Mohd Aziz berkata, pihaknya tidak menerima panggilan memaklumkan kawasan lain dinaiki air khususnya di bandaraya ini namun menasihatkan orang ramai bersiap sedia dan berhati-hati susulan kejadian air pasang akibat fenomena *supermoon*.



Pesisir Pantai Lido dinaiki air sehingga memasuki kawasan parkir HSA akibat pertembungan air pasang dan hujan lebat susulan fenomena 'supermoon'.

Maut tak sempat lolos

PASIR GUDANG - Seorang pembonceng motosikal maut manakala rakannya patah kaki akibat kemalangan di Taman Kota Masai, di sini petang kelmarin ketika cuba meloloskan diri daripada ditangkap selepas melarikan telefon bimbit milik seorang kanak-kanak.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Johhiri Abd Aziz berkata, dalam kejadian kira-kira jam 5.15 petang lelaki berusia 20 tahun itu maut di tempat kejadian akibat cedera di kepala.

Menurutnya, rakannya berusia 19 tahun yang menunggang motosikal mengalami patah kaki kiri akibat kemalangan terbabit.

"Kedua-dua suspek menaiki sebuah motosikal terserempak mangsa yang sedang memegang telefon bimbit di Jalan Bacang 12, Taman Kota Masai sebelum berpura-pura meminta kanak-kanak lelaki itu menunjukkan arah.

"Suspek meminta mangsa yang berumur 11 tahun itu menunjukkan arah untuk ke Jalan Bacang 10 sebelum merampas telefon bimbit dan kemudiannya terus memecut laju. Kejadian berkenaan disedari orang ramai yang bertindak mengejar motosikal dinaiki suspek.

"Kemalangan dipercayai berlaku ketika motosikal mereka melanggar sebuah kereta yang keluar daripada kawasan Eco World," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata siasatan awal suspek yang maut tidak mempunyai rekod lampau manakala penunggang motosikal mempunyai rekod lampau berkaitan kesalahan dadah.

Johhiri berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 382 Kanun Keseksaan dan Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.